

# KANDUNGAN

Sejarah (940/1) .....	<b>1 – 2</b>
Sejarah (940/2) .....	<b>3 – 4</b>
Sejarah (940/3) .....	<b>5 – 6</b>

# SEJARAH (940/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 2019, sebanyak 23 283 calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 65.77% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.91	3.05	6.86	6.18	10.59	15.85	17.33	6.70	3.26	5.79	18.46

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dan kekuatan jawapan yang ketara. Antara kelemahan dan kekuatan jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak dapat menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon yang cemerlang dapat menyediakan jawapan yang mengandungi bahagian pendahuluan, isi dan bahagian kesimpulan yang fokus kepada kehendak soalan.
- (c) Calon yang cemerlang berjaya menghuraikan fakta dan isi dengan jelas berserta contoh yang baik.
- (d) Calon memberikan jawapan yang umum dan tidak berdasarkan fakta sejarah yang sebenar.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kemahiran teknologi pertanian masyarakat agraria di Belanda dari abad ke-16 hingga abad ke-17. Prestasi jawapan calon adalah baik untuk soalan ini. Calon yang menjawab dengan baik memahami kemahiran teknologi masyarakat agraria Belanda. Calon juga perlu menghuraikan isi utama kaedah guna tanah, kaedah tanaman, pertanian hortikultur, kemajuan teknologi peralatan. Calon yang gagal mendapat markah yang baik hanya cenderung memberikan jawapan ciri-ciri masyarakat agraria secara umum.

#### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sistem kerajaan persekutuan yang diamalkan di Amerika Syarikat sejak abad ke-18. Calon dikehendaki menghurai struktur kerajaan yang merangkumi tiga badan penting, iaitu, eksekutif, legislatif, dan kehakiman serta amalan demokrasi, dan konsep pengasingan kuasa yang menjadi elemen penting dalam kerajaan persekutuan Amerika Syarikat. Calon yang cemerlang berjaya menghuraikan semua elemen penting dalam kerajaan persekutuan dan mampu memberikan huraian mendalam berserta contoh yang spesifik. Calon yang mendapat markah rendah adalah calon yang menghuraikan secara umum tanpa merujuk contoh yang jelas.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan ekonomi pertanian di England dari abad ke-17 hingga abad ke-18. Jawapan calon perlu membincangkan sistem pemilikan tanah, penciptaan peralatan, kemajuan teknologi pengairan, kemajuan pengangkutan, faktor demografi, dan pemasaran produk pertanian sebagai isi penting. Calon yang cemerlang mampu memberikan faktor berserta huraian yang disertakan nama tokoh pereka peralatan dan kaedah peralatan itu berfungsi. Manakala calon yang mendapat markah rendah hanya memberikan faktor yang umum tanpa merujuk kepada perkembangan pertanian di England.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan pemikiran yang berlaku ke atas masyarakat Eropah semasa zaman Renaisans. Jawapan calon perlu membincangkan perubahan seperti gerakan intelektual yang berlaku di Eropah, penolakan pemikiran ‘dark ages’, perkembangan pemikiran sains, gerakan reformasi agama, dan lain-lain sebagai isi penting. Sebahagian kecil sahaja calon yang berjaya menjawab dengan baik, manakala sebahagian besar yang menjawab soalan ini gagal memberikan isi dan huraian yang baik dan hanya menghuraikan tokoh era Renaisans sahaja.

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan imperialisme Barat ke atas ekonomi dan politik di China. Antara kesan politik adalah kemerosotan wibawa Dinasti Ching, kehilangan pengaruh dan kepercayaan rakyat, kelemahan pentadbiran kerajaan dan pertahanan China. Manakala kesan ekonomi pula adalah kemerosotan perbendaharaan negara, hilang kawalan, dan persaingan dengan barang keluaran asing. Calon yang menguasai subjek mampu menjawab kedua aspek tersebut dengan baik. Namun demikian, sebahagian besar calon tidak berpengetahuan dan menjawab secara umum dengan memberikan contoh Perang Candu sahaja. Walaupun ramai calon memilih untuk menjawab soalan ini, sebahagian besarnya hanya mendapat markah lulus sahaja.

### Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan Perang Dunia Kedua terhadap politik dunia pada abad ke-20. Antara isi utama adalah penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dekolonialisasi, permulaan Perang Dingin, persaingan Rusia dengan Amerika Syarikat sebagai kuasa besar, perpecahan Jerman kepada Jerman Barat dan Jerman Timur, dan perubahan sempadan Eropah. Calon yang cemerlang berjaya memberikan huraian isi dengan baik berserta contoh yang relevan. Namun demikian, terdapat calon yang mendapat markah rendah kerana membincangkan kesan Perang Dunia Pertama. Terdapat juga calon membincangkan isu sosial dan ekonomi sedangkan kehendak soalan ialah membincangkan kesan Perang Dunia Kedua terhadap politik dunia.

# SEJARAH (940/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 2019, sebanyak 23 023 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 62.40% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	3.95	3.39	6.77	8.83	8.99	14.65	13.19	4.60	0.00	4.88	30.75

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- (c) Calon tidak memahami kehendak soalan. Misalnya soalan nombor 1 calon menjawab peranan Muhajirin sebelum berhijrah ke Madinah. Sebaliknya kehendak soalan ialah peranan golongan Muhajirin selepas kewujudan negara Islam Madinah.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peranan golongan Muhajirin mengukuhkan negara Islam Madinah pada zaman Nabi Muhammad SAW. Sebahagian besar calon menjawab soalan ini dan memahami dengan jelas kehendak soalan. Namun begitu, ada calon keliru dengan istilah Ansar dan Muhajirin. Ada juga calon yang menghuraikan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai mewakili golongan Muhajirin. Soalan menghendaki calon menghuraikan peranan golongan Muhajirin sebagai pentadbir dalam pentadbiran kerajaan, menjadi panglima tentera dan perajurit, berperanan sebagai pendakwah dan ulama, serta menjadi pembuat dasar ekonomi seperti menghapuskan amalan monopoli golongan kapitalis Yahudi. Golongan Muhajirin juga berperanan sebagai diplomat yang mewakili kerajaan Madinah dan penyumbang dana kerajaan.

#### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan usaha yang telah dilakukan oleh Aurangzeb bagi mengukuhkan empayar Moghul di India. Terdapat calon yang memberikan jawapan yang ringkas, huraian yang kabur, dan fakta yang tidak tepat. Calon sepatutnya menghuraikan usaha Aurangzeb mengukuhkan pentadbiran kerajaan seperti menyusun atur pentadbiran kerajaan pusat, pelantikan pegawai beragama Islam sebagai pegawai tinggi kerajaan, pelantikan pegawai tadbir agama berdasarkan merit, perluasan wilayah, dan menangani golongan penentang dengan tindakan tegas. Dalam sektor ekonomi pula, Aurangzeb melaksanakan polisi ekonomi yang mesra rakyat dan melantik pegawai cukai dalam

kalangan penganut Islam. Manakala dalam bidang sosial, Aurangzeb menitikberatkan kebajikan rakyat dan memelihara kedudukan agama Islam. Aurangzeb juga memperkasakan syiar Islam seperti menjadikan mazhab *ahlul sunnah waljamaah* sebagai mazhab rasmi kerajaan, melaksanakan undang-undang Islam, dan menitikberatkan perkembangan ilmu dengan memberi galakan golongan ulama menulis kitab.

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pelaksanaan *kharaj* pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab. Sebahagian besar calon menjawab soalan ini. Namun begitu, kebanyakan calon tidak menguasai fakta seperti tidak dapat membezakan antara *kharaj* dengan *jizyah*. Malah ada calon mengaitkan *kharaj* dengan institusi *Diwan al-kharaj* dan *baitulmal*. Bahkan ada calon tidak dapat membezakan dua tokoh Islam iaitu, Khalifah Umar bin al-Khattab dengan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Calon sepatutnya membincangkan jenis *kharaj*, syarat-syarat pelaksanaan *kharaj*, pelaksanaan kadar *kharaj*, dan pelaksanaan *kharaj* di Iraq, Mesir, dan Syria.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan sumbangan al-Mas'udi dalam bidang geografi dan pelayaran. Calon sepatutnya menjelaskan sumbangan al-Mas'udi dalam kedua bidang tersebut. Namun ada calon menjawab secara tidak sistematis kerana mencampuradukkan antara sumbangan geografi dan pelayaran. Terdapat juga calon yang hanya membincangkan satu bidang sahaja sama ada geografi atau pelayaran. Hal ini menyebabkan jawapan calon tidak seimbang dan berkualiti kerana respons kepada kehendak soalan yang memerlukan calon membincangkan sumbangan dalam bidang geografi dan pelayaran. Antara sumbangan al-Mas'udi dalam bidang geografi ialah menyokong teori determinisme alam sekitar, kaitan fenomena alam sekitar dengan manusia, membahagi bumi kepada dua bahagian iaitu barat dan timur, garis bujur dan garis lintang, mengkaji flora dan fauna di India, serta melukis peta dunia Islam. Manakala dalam bidang pelayaran, al-Mas'udi menyelesaikan isu kekeliruan nama lautan dan sungai, beliau juga melakarkan dengan tepat tentang laluan laut dari Teluk Parsi ke Laut China Selatan dan juga laluan laut menyisiri pantai Afrika dari dunia Arab.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan Rashid Rida dalam gerakan pembaharuan di Mesir. Soalan ini menghendaki calon menerangkan peranan Rashid Rida dalam gerakan pembaharuan di Mesir. Antara isi jawapannya ialah hasil penulisan tokoh tersebut, peranan beliau dalam gerakan *islah* agama Islam, pembaharuan dalam bidang politik dan pendidikan serta gagasan Pan Islamisme. Calon yang cemerlang berjaya mengemukakan fakta dan hujah yang relevan. Calon juga dapat membezakan konsep dan konteks gerakan pembaharuan dengan gerakan nasionalisme. Terdapat juga calon yang menganggap Rashid Rida sebagai pemimpin gerakan nasionalisme Mesir.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan empat peperangan yang melibatkan kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama. Peperangan yang terlibat ialah konflik tentera Turki dengan Rusia di Laut Hitam, peperangan Turki dengan Rusia di Caucasus, peperangan Turki dengan British di beberapa wilayah iaitu di Iraq, Sinai (Mesir), Dardanelles dan Galipoli. Peperangan juga melibatkan Turki dengan kabilah Arab di Semenanjung Tanah Arab. Konflik bersenjata antara Turki dengan Perancis berlaku di Afrika Utara. Kebanyakan calon kurang berjaya menjawab soalan ini kerana jawapan yang tidak menepati fakta dan hujahan yang lemah. Jawapan calon tertumpu kepada konflik ketenteraan dengan Rusia di wilayah Balkan. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan apabila menghuraikan faktor-faktor penglibatan Turki dalam peperangan dan konflik bersenjata.

# SEJARAH (940/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3 2019, sebanyak 22 789 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.85% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	18.18	4.10	2.03	4.99	10.14	14.36	11.86	5.45	7.45	4.49	16.94

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum menggambarkan kelemahan calon dalam menaakul dan menyampaikan idea secara berkesan.
- (c) Calon tidak mempunyai tahap penulisan yang baik untuk menyampaikan idea semasa menulis jawapan.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menerangkan ciri ekonomi komersil yang diamalkan oleh masyarakat di Tanah Melayu sebelum campur tangan British. Jawapan yang sepatutnya ialah calon menerangkan penggunaan mata wang dalam aktiviti ekonomi, lokasi aktiviti perniagaan, aktiviti perdagangan antarabangsa, dan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat. Namun begitu, terdapat sebahagian besar calon memberikan jawapan dengan mengemukakan isi berdasarkan aktiviti ekonomi seperti pertanian sara diri, penternakan, dan mencari hasil hutan. Calon juga gagal menjelaskan ciri ekonomi komersil dalam konteks masyarakat sebelum campur tangan British.

#### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan faktor yang menyumbang kegagalan Gerakan Anti-Penyerahan di Sarawak pada tahun 1946. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini tidak dapat mengemukakan fakta yang dikehendaki soalan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang umum dan kabur. Ada calon mengaitkan Gerakan Anti-Penyerahan dengan reaksi masyarakat Sarawak terhadap orang Barat pada abad ke-19. Calon sepatutnya menjelaskan faktor kegagalan Gerakan Anti-Penyerahan di Sarawak seperti tindakan British melarang penjawat awam terlibat dengan kegiatan Gerakan Anti-Penyerahan, tindakan punitif pihak British menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap anggota Rukun 13, keberkesanan gerakan propaganda British menghasut golongan bukan

Melayu supaya tidak bersekongkol dengan Gerakan Anti-Penyerahan, gerakan ini juga tidak mendapat sambutan luas rakyat Sarawak kerana tiada pemimpin berwibawa selepas Datu Patinggi Abang Haji Abdillah meningal dunia.

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sumbangan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dalam pembangunan ekonomi Malaysia dari tahun 1981 hingga tahun 2000. Umumnya, pencapaian calon yang menjawab soalan ini adalah baik. Namun demikian, terdapat calon memberikan jawapan yang umum dan longgar dari segi hujahan. Calon perlu menyatakan sumbangan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dalam usaha-usaha beliau membangunkan ekonomi melalui Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penswastaan dan Persyarikatan Malaysia, Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pembangunan Nasional, Wawasan 2020 dan lain-lain.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan susun lapis masyarakat tradisional di Indonesia sebelum penjajahan Belanda. Jawapan yang dikehendaki ialah menghuraikan kedudukan golongan memerintah yang terdiri daripada raja dan kerabat, pembesar atau *priyayi*, dan *uleebalang*. Manakala golongan diperintah terdiri daripada golongan petani dan hamba. Calon harus memberikan contoh yang relevan seperti di Aceh, Jawa, Kalimantan, dan wilayah lain. Di Indonesia, gelaran bagi setiap susun lapis adalah berbeza dalam daerah yang berbeza. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon mengemukakan susun lapis masyarakat tradisional di dua provinsi iaitu Pulau Jawa dan Aceh sahaja.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peranan Raja Thibaw dalam menyekat perluasan kuasa British di Myanmar dari tahun 1828 hingga tahun 1885. Kebanyakan calon gagal memahami kehendak soalan dengan memberikan fakta yang umum dan tidak relevan dengan soalan. Calon sepatutnya menjelaskan langkah yang diambil oleh Raja Thibaw dalam menyekat perluasan kuasa British dengan menjalin hubungan dengan Perancis. Raja Thibaw juga bertindak melaksanakan sekatan perdagangan terhadap Syarikat Perdagangan Bombay-Burma.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan penglibatan Thailand dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas Perang Dunia Kedua. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini kurang memuaskan dan kebanyakan calon tidak dapat menjawab seperti yang dikehendaki oleh soalan. Calon sepatutnya membincangkan penglibatan tokoh-tokoh penting Thailand seperti Putera Wan Waithayakorn mantan Menteri Luar yang dipilih sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB. Begitu juga Pote Sarasin, mantan Menteri Luar Thailand yang dilantik sebagai Setiausaha Agung PBB. Selain itu, calon perlu membincangkan penglibatan Thailand dalam agensi PBB seperti *United Nations Transitional Authority in Cambodia*, *United Nations Iraq-Kuwait Observation Mission*, UNESCO dan lain-lain lagi.